

**SOALAN NO: 53**

Kritikal Negara atau *Critical National Information Infrastructure* (CNII) dalam menghadapi sebarang ancaman siber, termasuk pencerobohan, bagi mewujudkan ekosistem rangkaian dan internet yang lebih selamat.

CNII meliputi meliputi 10 sektor kritikal iaitu:

- kesihatan;
- perbankan dan kewangan;
- informasi dan komunikasi;
- air;
- tenaga;
- pengangkutan;
- pertahanan dan keselamatan;
- Kerajaan;
- makanan dan pertanian; dan
- perkhidmatan kecemasan.

SKMM merupakan agensi peneraju sektor informasi dan komunikasi. SKMM juga merupakan salah satu agensi yang terlibat dalam inisiatif *National Cyber Coordination & Command Center* (NC4) yang digerakkan oleh MKN sebagai pusat dalam menangani ancaman dan krisis siber di peringkat nasional.